



PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH PELBAGAI FASET



ATHIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK
MENGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH
PELBAGAI FASET**

ATHIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **09 JULAI 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **ATHIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN (M20181001129) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH PELBAGAI FASET** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR NOR MASHITAH MOHD RADZI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH PELBAGAI FASET** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **SARJANA PENDIDIKAN**.

09 JULAI 2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK (IPSK) MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH PELBAGAI FASET

No. Matrik / Matric's No.: M20181001129

Saya / I : ATHIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 09 JULAI 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali seband dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, yang dengan izin-Nya saya telah diberi kekuatan, kesabaran, dan ketabahan untuk menempuh setiap cabaran yang datang sepanjang perjalanan yang panjang dan sepi ini. Segala pengorbanan dan keperitan yang saya lalui kini berbaloi, dan dengan penuh rasa syukur, kajian ini akhirnya dapat disempurnakan. Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya, Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi, yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan, teguran, dan nasihat sepanjang perjalanan ini. Dalam setiap langkah yang sukar, panduan dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau menjadi cahaya yang menerangi jalan saya. Dengan hati yang penuh kesyukuran, saya ingin merakamkan penghargaan yang mendalam kepada suamiku tercinta, Safwan, dan anakku yang tersayang, Saif Amsyar. Kalian adalah sumber kekuatan saya ketika hati ini hampir berputus asa. Setiap sokongan, pengorbanan, dan kesabaran yang kalian tunjukkan menjadi penyuluh di kala kegelapan. Penghargaan khas juga saya tujukan kepada seluruh ahli keluarga saya, terutama adik-beradik dan juga rakan-sekerja yang sentiasa memberi semangat dan kasih sayang yang tidak pernah pudar. Kalian adalah tiang yang menyokong saya tatkala dunia ini terasa berat. Akhir sekali, dengan penuh rasa hiba dan kasih sayang, saya ingin mengenang arwah ibunda saya, Allahyarhamah Nur Aini Binti Mior Hashim. Kehilanganmu adalah luka yang tidak pernah sembuh, namun semangatmu sentiasa hidup dalam jiwa ini, memberi dorongan untuk terus melangkah. Terima kasih juga kepada ayahanda saya, Zainal Abidin Bin Abdul Rahim, yang dengan kasih sayangnya menjadi penopang utama dalam perjalanan hidup ini. Kajian ini adalah hasil daripada setiap air mata, setiap doa, dan setiap detik kesabaran. Semoga usaha ini memberi manfaat dan menjadi tanda penghargaan kepada semua yang pernah bersama-sama dalam perjalanan ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan item bagi Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) dengan menggunakan Model Miller yang telah disusun atur semula dan di analisis menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan item dalam Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) dan mengenalpasti kefungsi skala, tahap kesukaran item, prestasi kanak-kanak, biasa penilai dan kefungsi masa. Reka bentuk kajian pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) melibatkan pendekatan kuantitatif. Instrumen ini juga turut dibina dengan merujuk kepada Model Pembinaan Instrumen Miller yang telah disusun semula. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 30 orang kanak-kanak yang berumur lima tahun. Proses kesahan muka telah dilalui dengan menggunakan nilai Content Validation Ratio (CVR). Melalui analisis tersebut, satu item telah digugurkan kerana memiliki nilai $CVR < 0.8$. Oleh itu, bilangan keseluruhan item bagi Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) adalah sebanyak 24 item. Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) mempunyai empat konstruk iaitu Kecekapan Emosi (KE), Kecekapan Kendiri (KK), Kecekapan Sosial (KS) dan Pertautan (PT). Kesemua konstruk ini telah diuji nilai kesahan konstruk dengan melihat nilai undimensionaliti iaitu 68.30% bagi konstruk Kecekapan Emosi, 64.68% Kecekapan Kendiri, 64.61% Kecekapan Sosial dan 64.72% Pertautan. Dapatan kajian juga menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi keempat-empat konstruk memenuhi syarat Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset iaitu melebihi logit 0.8. Manakala, kategori skala berfungsi dengan baik. Melalui dapatan analisis juga menunjukkan bahawa masa pemerhatian sesuai dilakukan ketika masa sebelum iaitu 15 minit pertama aktiviti. Penilai juga berada dalam tahap yang sama bagi penilaian sosioemosi kanak-kanak. Akhir sekali, prestasi kanak-kanak menunjukkan kanak-kanak K12 & K15 sukar menunjukkan prestasi sosioemosi. Sebagai implikasi, kajian ini menyumbangkan kepada pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) dan dapat membantu guru dalam membuat pemerhatian dan penilaian kepada kemahiran sosioemosi kanak-kanak.



DEVELOPMENT IF CHILDREN'S SOCIOEMOTIONAL ASSESSMENT INSTRUMENT USING MANY FASCET RASCH MEASUREMENT MODEL

ABSTRACT

This study aims to identify the validity and reliability of items for the Children's Socioemotional Assessment Instrument (IPSK) by using the revised Miller Model analyze using Multifacet Rasch Measurement Model. The objective of this study is to identify the validity and reliability of the items in the Children's Socioemotional Assessment Instrument (IPSK) and to identify the function of the scale, the level of difficulty of the item, the child's performance, the rater's normality and the time function. The design of the Children's Socioemotional Assessment Instrument (IPSK) involves a quantitative approach. This instrument is also constructed with reference to the Miller Instrument Construction Model which has been rearranged. The sample for this study consisted of 30 five-year-old children. The face validity process has been passed by using the Content Validation Ratio (CVR) value. Through the analysis, one item was dropped because it had a CVR value <0.8 . Therefore, the total number of items for the Children's Socioemotional Assessment Instrument (IPSK) is 24 items. The Children's Socio-Emotional Assessment Instrument (IPSK) has four constructs, namely Emotional Competence (KE), Self-Competence (KK), Social Competence (KS) and Linkage (PT). All of these constructs have tested the value of construct validity by looking at the value of unidimensionality which is 68.30% for the construct Emotional Competence, 64.68% Self-Competence, 64.61% Social Competence and 64.72% Linkage. The findings of the study also show that the reliability values for all four constructs meet the requirements of the Rasch Measurement Model, which is above logit 0.8. Meanwhile, the scale category works well. Through the analysis, the analysis also shows that the observation time is done during the time before, which is the first 15 minutes of the activity. The evaluator is also in the same level for the socioemotional assessment of children. Finally, the children's performance shows that K12 & K15 children have difficulty showing socioemotional performance. As an implication, this study contributes to the development of the Children's Socioemotional Assessment Instrument (IPSK) and can assist teachers in making observations and assessments of children's socioemotional skills.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7 Definisi Istilah	17
1.7.1 Pentaksiran Prestasi	17
1.7.2 Penilaian	17
1.7.3 Sosioemosi	18



1.7.4	Kanak-Kanak	19
1.7.5	Instrumen Pentaksiran Sosioemosi	20
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Teori Perkembangan Kanak-Kanak	27
2.2.1	Teori Psikososial Erik Erikson	27
2.2.2	Teori Kecerdasan Emosional Daniel Goleman	34
2.2.3	Hubungan Teori Psikososial Erik Erikson (1955) dan Teori Kecerdasan Emosional Goleman (1995)	42
2.3	Model Pengukuran Rasch	45
2.4	Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset (PRPF)	54
2.5	Kesahan Pakar	59
2.6	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Sosioemosi Kanak-Kanak	60
2.7	Pentaksiran Berasaskan Prestasi	63
2.8	Pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak	67
2.9	Rumusan	71

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.2.1	Fasa 1: Peringkat Reka Bentuk	76
3.2.2	Fasa 2: Pembinaan Instrumen	92
3.2.3	Fasa 3: Peringkat Pengesahan	98
3.3	Pensampelan	99

3.4	Instrumen	100
3.5	Kajian Rintis	101
3.5.1	Kesahan Muka Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak	102
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak	120
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	123
3.7	Penganalisan Data	125
3.8	Rumusan	126

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	127
4.2	Latar Belakang Responden	128
4.3	Dapatan Kajian: Apakah nilai kesahan dan kebolehpercayaan item Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)?	128
4.4	Apakah Tahap Kefungsian Skala, Item, Masa, Kanak-Kanak dan Rater (Penilai) Dalam Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak?	135
4.4.1	Tahap Kefungsian Skala	135
4.4.2	Tahap Kesukaran Item	139
4.4.3	Kedudukan masa, penilai dan prestasi kanak-kanak	145
4.5	Rumusan	152

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	153
5.2	Perbincangan	154
5.3	Implikasi Kajian	162
5.3.1	Implikasi Metodologikal	163
5.3.2	Implikasi Pedagogikal	165

5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	166
5.5	Rumusan	167
	RUJUKAN	169
	LAMPIRAN	177

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kemahiran sosioemosi yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah	5
2.1	Proses pengukuran Model Rasch	48
2.2	Ciri-ciri item yang baik (Buku Panduan Pentaksiran, 2016)	70
2.3	Tahap pengukuran skala dan penjelasan oleh Vygotsky	71
3.1	Konstruk sosioemosi sebelum penterjemahan	77
3.2	Konstruk sosioemosi selepas penterjemahan	78
3.3	Senarai item-item sebelum proses penterjemahan	79
3.4	Item selepas proses back to back translation	83
3.5	Kod indikator bagi konstruk sosioemosi	93
3.6	Kod indikator bagi setiap item	93
3.7	Skala dan takrifan	95
3.8	Sampel Kajian Semakan Pakar	99
3.9	Sasaran sampel stabil dan mencukupi mengikut Model Pengukuran Rasch	100
3.10	Skala pengukuran kesahan mengikut Lawshe (1975)	104
3.11	Nilai indeks CVR	105
3.12	Item setelah digubal	108
3.13	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Emosi (KE)	112
3.14	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Kendiri (KK)	114

3.15	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Sosial (KS)	115
3.16	Analisis kesahan kandungan konstruk Pertautan (PT)	116
3.17	Kesahan kandungan bagi Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK)	117
3.18	Analisis kesahan konstruk	119
3.19	Analisis kebolehppercayaan bagi setiap konstruk	121
3.20	Prosedur Kajian	124
3.21	Kaedah Penganalisis Data	125
4.1	Analisis Kesahan Konstruk	129
4.2	Analisis Kesahan Kandungan Konstruk Kecekapan Emosi (KE)	130
4.3	Analisis Kesahan Kandungan Konstruk Kecekapan Kendiri (KK)	131
4.4	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Sosial (KS)	131
4.5	Analisis kesahan kandungan konstruk Pertautan (PT)	132
4.6	Analisis kesahan kandungan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)	133
4.7	Analisis kebolehppercayaan bagi setiap konstruk	134
4.8	Frekuensi kategori dan min ukuran bagi konstruk Kecekapan Emosi, Kecekapan Kendiri, Kecekapan Sosial dan Pertautan	136
4.9	Nilai outfit MNSQ bagi empat konstruk Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)	138
4.10	Nilai ambang (threshold) bagi 5 kategori skala pengukuran bagi kesemua konstruk	139
4.11	Laporan pengukuran item bagi konstruk Kecekapan Emosi	140
4.12	Laporan pengukuran item bagi konstruk Kecekapan Kendiri	141



4.13	Laporan pengukuran item bagi konstruk Kecekapan Sosial	142
4.14	Laporan pengukuran item bagi konstruk Pertautan	143
4.15	Laporan pengukuran item bagi Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)	145



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Langkah pembinaan Instrumen Model Miller	69
3.1	Fasa reka bentuk pembinaan instrument	175
3.2	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Emosi	113
3.3	Analisis kesahan kandungan konstruk kecekapan sendiri	113
3.4	Analisis kesahan kandungan konstruk Kecekapan Sosial	115
3.5	Analisis kesahan kandungan konstruk Pertautan	116
3.6	Kesahan konstruk (undimensionaliti) Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK)	119
3.7	Kesahan konstruk Kecekapan Emosi (undimensionaliti)	119
3.8	Kesahan konstruk Kecekapan Kendiri (undimensionaliti)	120
3.9	Kesahan konstruk Kecekapan Sosial (undimensionaliti)	120
3.10	Kesahan konstruk Pertautan (undimensionaliti)	120
3.11	Analisis kebolehppercayaan item Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK)	122
3.12	Analisis kefungsi skala konstruk Kecekapan Emosi (KE)	122
3.13	Analisis kebolehpercayan item konstruk Kecekapan Kendiri (KK)	122
3.14	Analisis kebolehpercayan item konstruk Kecekapan Sosial (KS)	123

3.15	Analisis kebolehpercayaan item konstruk Pertautan (PT)	123
4.1	Nilai unidimensioniliti	129
4.2	Analisis kefungsian skala konstruk Kecekapan Emosi (KE)	136
4.3	Analisis kefungsian skala konstruk Kecekapan Kendiri (KK)	137
4.4	Analisis kefungsian skala konstruk Kecekapan Sosial (KS)	137
4.5	Analisis kefungsian skala konstruk Pertautan (PT)	137
4.6	Analisis item konstruk Kecekapan Emosi	141
4.7	Analisis item konstruk Kecekapan Kendiri	142
4.8	Analisis item konstruk Kecekapan Sosial	143
4.9	Analisis item konstruk Pertautan	144
4.10	Laporan pengukuran masa, penilai dan kanak-kanak bagi konstruk Kecekapan Emosi	147
4.11	Laporan pengukuran masa, penilai dan kanak-kanak bagi konstruk Kecekapan Kendiri	148
4.12	Laporan pengukuran masa, penilai dan kanak-kanak bagi konstruk Kecekapan Sosial	149
4.13	Laporan pengukuran masa, penilai dan kanak-kanak bagi konstruk Pertautan	150
4.14	Laporan pengukuran masa, penilai dan kanak-kanak bagi Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)	151



SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah
IPSK	Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MNSQ	Mean Square
MRPF	Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset
PMEA CORR	Point Measure Correlation



SENARAI LAMPIRAN

- A Output Konstruk Kecekapan Emosi
- B Output Konstruk Kecekapan Kendiri
- C Output Konstruk Kecekapan Sosial
- D Output Konstruk Pertautan

BAB 1

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan tentang kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan adalah berkenaan pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK). Pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) ini dibina menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset. Kajian ini melibatkan kanak-kanak tadika yang berumur lima tahun. Di dalam pembinaan instrumen ini, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen diuji seperti yang dinyatakan di bahagian objektif kajian. Seterusnya, instrumen ini diuji tahap kesukaran item, prestasi kanak-kanak, tahap ketegasan penilai, kesesuaian masa dan penggunaan skala di Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak. Kerangka konseptual dibina bagi melihat secara proses pembinaan instrumen secara menyeluruh yang melibatkan lima faset iaitu skala, ketegasan penilai, masa, item dan kanak-kanak. Latar belakang kajian menceritakan



secara umum tentang kajian yang dijalankan. Seterusnya, pernyataan masalah adalah daripada kajian-kajian lepas yang menjuruskan kepada kajian ini dijalankan. Kemudian, objektif kajian ditetapkan diikuti persoalan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan satu agen yang penting di dalam pembentukan modal insan seseorang dan pembangunan sesebuah negara. Negara akan maju jika rakyatnya mempunyai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan. Sebelum kedatangan kuasa penjajah, pendidikan di Malaysia sudah dimulakan dengan berbentuk bukan formal iaitu pengajaran seperti berkenaan tingkah laku, pengajaran al-quran, kerohanian dan pengurusan diri. Menurut Y. Bhg. Tan Sri Abdul Ghafar di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) ada menyatakan bahawa pendidikan ialah perkara utama yang mempengaruhi pembangunan individu dan menyediakan peluang dalam mencorakkan kehidupan pada masa yang akan datang. Pendidikan yang diberikan bagi setiap individu membekalkan perkembangan secara holistik. Perkembangan holistik ialah perkembangan secara menyeluruh iaitu daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Perkara ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti di bawah :



Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, sosial dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. - Kementerian Pendidikan Malaysia

Pendidikan pada umur seawal empat tahun sehingga enam tahun dikenali sebagai pendidikan awal kanak-kanak. Pada umur tersebut, perkembangan kanak-kanak sangat kritikal bagi membina asas perkembangan mereka. Asas perkembangan kanak-kanak dibina melalui pengalaman yang mereka lalui. Perkara ini sejajar dengan perkembangan otak. Salah satu perkembangan yang utama adalah perkembangan kemahiran sosial dan kemahiran emosi. Perkembangan ini memerlukan kanak-kanak untuk berinteraksi, berkongsi, belajar bergilir dan berempati. Kanak-kanak juga dapat belajar cara mengendalikan konflik. Perkara tersebut merupakan perkara penting dalam membina hubungan. Kemahiran emosi dan sosial ini memainkan peranan penting di dalam pencapaian akademik kanak-kanak. Kanak-kanak perlu berinteraksi di dalam kelas bagi membina hubungan bersama rakan dan guru. Dengan hubungan yang baik, kanak-kanak akan berasa selamat. Mempunyai kawalan diri membantu kanak-kanak untuk memberi perhatian ketika di dalam kelas dan prestasi akademik.

Ketika ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah dirancang bagi mempersiapkan dari segala aspek dalam menghadapi cabaran abad ke-21 yang bakal datang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan dua aspirasi iaitu aspirasi sistem dan aspirasi murid. Aspirasi murid ini adalah bagi menyediakan setiap murid dapat menghadapi dunia globalisasi yang pantas berubah.



Selain itu, ia juga bertujuan dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Antara aspirasi murid adalah, pengetahuan, kemahiran berfikir, dwibahasa, etika kerohanian dan identiti sosial. Bagi memastikan setiap murid mampu menghadapi dunia globalisasi yang pantas berubah, setiap murid itu perlulah mampu menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berbeza. Seseorang individu tersebut akan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran yang berbeza jika mereka mempunyai kemahiran sosial dan kemahiran emosi yang sangat tinggi. Oleh demikian itu, bagi memastikan aspirasi murid tercapai, kemahiran sosial dan kemahiran emosi perlu dipandang penting oleh pendidik. Tanpa kemahiran emosi dan kemahiran sosial yang tinggi dalam diri setiap murid, murid tersebut tidak mampu untuk membiasakan diri mereka dengan persekitaran sosial. Hal ini kerana, persekitaran sosial membantu murid mengembangkan perkembangan secara menyeluruh iaitu daripada segi kognitif, fizikal,



Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dilaksanakan pada tahun 2010 bagi membantu guru-guru dalam menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan perkembangan murid. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mempunyai ciri-ciri keperluan bagi umur lima dan enam tahun. Kurikulum ini menjadi rujukan guru bagi merangka aktiviti di dalam ataupun di luar kelas. Dalam memastikan kualiti kurikulum di Malaysia setanding dengan kurikulum antarabangsa, semakan kurikulum telah dilakukan disamping memenuhi tuntutan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa. Setelah semakan dilakukan, Dokumen Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dihasilkan dengan mempunyai enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains





dan Teknologi; dan Keterampilan Diri. Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada perkembangan sosioemosi dan kemahiran berinteraksi serta kemahiran sosial dalam kalangan murid. Tunjang keterampilan ini berlaku dalam kelas dan luar kelas. Antara kemahiran sosioemosi yang perlu dikuasai oleh murid semasa mereka berada di prasekolah adalah seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1

Kemahiran sosioemosi yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah

NO.	ELEMEN
1.	Mengenali dan mengurus emosi sendiri
2.	Mengenali emosi orang lain
3.	Membina konsep sendiri
4.	Membina kebolehan mengawal diri
5.	Membina keyakinan untuk berkomunikasi
6.	Memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain
7.	Menggunakan kemahiran sosial dalam hubungan dengan orang lain

Sumber: Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Bagi memastikan kanak-kanak menguasai perkembangan sosioemosi dan kemahiran berinteraksi serta kemahiran sosial, kanak-kanak perlu ditaksir secara berterusan menerusi standard pentaksiran. Selain itu, standard pentaksiran membolehkan guru membuat tindakan susulan dalam mempertingkatkan pencapaian kanak-kanak. Hal ini kerana, guru telah mengenal pasti perkembangan yang perlu diberi perhatian bagi seseorang kanak-kanak. Pentaksiran juga dilakukan bagi melihat perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh iaitu daripada segi jasmani, emosi,





rohani dan sosial. Di samping itu, pentaksiran ini juga bertujuan dalam memberi maklum balas kepada ibu bapa atau penjaga tentang perkembangan anak-anak mereka. Oleh demikian itu, kajian ini dilakukan bagi membina dan menguji Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK). Instrumen ini dibina adalah kerana merasakan pentaksiran sosioemosi kanak-kanak itu sangat penting kerana ia memberi kesan kepada gaya kehidupan kanak-kanak pada masa akan datang. Selain itu, pentaksiran sosioemosi ini membolehkan guru melihat sekiranya kanak-kanak telah bersedia untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berbeza. Hal ini kerana, persekitaran yang berbeza mempunyai pelbagai situasi yang berbeza pada setiap masa. Situasi-situasi tersebut mungkin akan mewujudkan konflik-konflik yang akan dihadapi oleh mereka. Justeru itu, mereka akan mampu menyelesaikan konflik tersebut jika mereka telah dapat menguasai kemahiran sosial dan kemahiran emosi. Konflik akan berlaku di mana-mana sahaja. Kanak-kanak perlu mempunyai daya tahan yang kuat bagi menghadapi konflik. Oleh itu, pentaksiran sosioemosi kanak-kanak merupakan pentaksiran yang paling penting yang perlu dilakukan oleh guru-guru.

Walau bagaimanapun, sesebuah instrumen perlu digunakan oleh guru bagi mentaksir kemahiran kanak-kanak. Instrumen tersebut perlulah mempunyai ciri kemahiran sosial dan kemahiran emosi yang perlu dilihat. Oleh itu, faktor umur sangat penting dalam memilih instrumen yang bersesuaian. Selain daripada itu, instrumen tersebut perlulah secara holistik dan komprehensif. Dalam konteks kajian ini, guru memainkan peranan dalam menggunakan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK). Hal ini demikian kerana, guru ialah individu yang sentiasa bersama kanak-kanak di sekolah. Selain itu, melalui instrumen ini, guru dapat melihat dan boleh mengenal pasti peningkatan kursus perkembangan sosioemosi kanak-kanak dengan





menggunakan skala penilaian likert . Skala penilaian likert dapat membantu guru melihat tahap prestasi kanak-kanak.

Di dalam penilaian perkembangan sosioemosi kanak-kanak, guru perlu mengetahui terlebih dahulu apakah perkembangan yang harus ditunjukkan kepada kanak-kanak. Perkembangan ini haruslah bersesuaian dengan umur. Justeru itu, Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) mempunyai item-item yang dapat membantu guru dalam membuat pentaksiran perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, setiap guru mempunyai perspektif yang unik terhadap setiap kanak-kanak. Setiap kanak-kanak adalah berbeza kerana mereka unit. Oleh demikian itu, dalam kajian ini bias penilai dilihat bagi mengenal pasti corak penilaian guru walaupun terdapat item yang seakan-akan sama. Melalui tersebut, penilaian guru



dapat dinilai kejituan.

Kemahiran sosioemosi kanak-kanak akan memberi impak jangka masa yang panjang terhadap kejayaan akademik, kesihatan mental dan kesejahteraan keseluruhan perkembangan kanak-kanak (Mona Alzahrani, Manal Alharbi dan Amani Alodwani, 2019). Mempunyai daya ketahanan emosi yang kuat memberi impak kepada kesihatan mental yang baik. Justeru itu, kemahiran sosioemosi perlulah dinilai pada masa yang sesuai iaitu ketika peralihan kanak-kanak sebelum memasuki sekolah rendah. Terlalu banyak isu buli dan kesihatan mental yang dihadapi oleh pelajar ketika di sekolah. Oleh itu, ketahanan emosi dan sosial sangat penting. Menurut Fatima Malik & Raman Marwaha (2022), pada umur lima dan enam tahun, kanak-kanak mampu mengikut arahan dan lebih menghabiskan masa bersama rakan sekeliling. Oleh itu, dalam kajian ini, instrumen yang dibina digunakan oleh kanak-kanak lima tahun. Walau





bagaimanapun, tiada lagi kajian yang menyarankan waktu khusus bagi membuat penilaian sosioemosi kanak-kanak. Hal ini kerana, perkembangan sosioemosi kanak-kanak akan berubah mengikut perubahan persekitaran sosial dan interaksi bersama rakan sebaya. Dalam kajian ini, masa penilaian dititikberatkan bagi melihat bilakah masa yang sesuai untuk kanak-kanak menunjukkan kemahiran sosioemosi mereka. Dalam kajian ini, dua masa yang ditentukan untuk guru menilai iaitu 15 minit pertama dan 15 minit kedua bagi sesebuah aktiviti.

1.3 Pernyataan Masalah

Sosioemosi merupakan perkembangan personaliti diri, membina hubungan dan menjaga hubungan baik, pengawalan diri dan memahami perasaan orang lain (Jeanne Ellis & Ormrod, 2011). Sosioemosi merupakan gabungan antara kemahiran sosial dan kemahiran emosi. Kemahiran mengurus seosioemosi amat penting. Ia juga dilihat sebagai perkembangan utama yang perlu didahului berbanding dengan perkembangan yang lain seperti perkembangan fizikal dan perkembangan intelek. Sosioemosi juga merupakan kunci utama dalam kesediaan kanak-kanak ke sekolah (Susan, Lisa, Carolyn, James & Kevin, 2010). Perpindahan sekolah memberi kesan kepada proses transisi kanak-kanak daripada tadika kepada sekolah rendah. Perubahan ini meliputi kepada perubahan persekitaran dan perubahan rutin. Kanak-kanak lebih banyak bersosial ketika berada dalam persekitaran sosial seperti di sekolah. Aktiviti bersosial seperti bermain dan bersembang bersama rakan, dapat menonjolkan personaliti kanak-kanak. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan perubahan pada sistem pendidikan bagi murid tahun satu sehingga murid tahun tiga





dimana prestasi murid tidak dinilai melalui peperiksaan semata-mata tetapi dinilai berteraskan kepada pembinaan karakter dan sahsiah. Pembinaan karakter dan sahsiah amat berkait rapat dengan perkembangan sosioemosi kerana perkembangan sosioemosi yang tidak memberangsangkan merupakan pantulan kepada tindak balas tingkah laku kanak-kanak. Tingkah laku individu akan memberi kesan dalam penerimaan masyarakat sekeliling. Oleh itu, kanak-kanak perlu didedahkan dengan persekitaran sosial agar kemahiran sosial dan emosi kanak-kanak dapat dibentuk. Jika tidak mendedahkan kanak-kanak dengan persekitaran sosial, kanak-kanak akan mengalami kesukaran dalam pembentukan perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak.

Menurut Zaharah Osman (2015) menyatakan bahawa perkembangan sosioemosi yang rendah akan memberi kesan kepada prestasi akademik kanak-kanak, kerana mereka tidak mampu melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran jika mereka mempunyai masalah dalam mendengar arahan, berinteraksi bersama orang lain dan mengawal emosi. Perkara ini membuktikan bahawa, kanak-kanak tidak akan dapat menyesuaikan diri di tempat yang berbeza jika mereka tidak menguasai perkembangan sosioemosi. Ia juga memberi kesan kepada perkembangan yang lain seperti perkembangan intelek. Perkara ini juga disokong oleh Mary Shuttlesworth dan Ketherine Shannon (2015) yang menyatakan bahawa apabila kanak-kanak mempunyai sosioemosi yang kuat, kanak-kanak cenderung menunjukkan tingkah laku yang positif dan mampu menyelesaikan masalah dengan efektif. Dunia di era permodenan ini merupakan cabaran utama kepada kanak-kanak. Persekitaran yang berbeza menguji ketahanan mental kanak-kanak tersebut. Jika sosioemosi mereka tidak kuat, agak sukar untuk kanak-kanak berdikari. Melalui pernyataan masalah ini, bermaksud kemahiran sosioemosi menjadi elemen utama dalam prestasi akademik kanak-kanak. Namun,





bagaimana guru dapat mengetahui prestasi perkembangan sosioemosi kanak-kanak?. Adakah dengan menjalankan ujian kepada setiap kanak-kanak?. Adakah perkembangan sosioemosi ini dapat dinilai daripada pemerhatian?. Oleh itu, keperluan untuk membina instrumen pentaksiran sosioemosi adalah sangat penting bagi kanak-kanak lima tahun yang bakal memasuki sekolah rendah sebagai kesediaan mereka. Hal ini kerana, sosioemosi merupakan cerminan kepada tindak balas kanak-kanak terhadap peristiwa yang berlaku kepada mereka.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) merupakan rujukan utama kepada guru-guru pendidikan awal kanak-kanak. Di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ini, terdapat satu tunjang yang menekankan tentang kemahiran sosioemosi kanak-kanak iaitu tunjang keterampilan diri. Tunjang keterampilan diri adalah pendidikan kemahiran sosioemosi yang diberikan kepada kanak-kanak Prasekolah. Terdapat lima elemen yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak merujuk kepada tunjang keterampilan diri iaitu, mengenali diri sendiri, mengurus emosi dan mengawal tingkah laku, menghormati kepelbagaian emosi dan pandangan orang lain, membina kemahiran sosial dalam kehidupan bermasyarakat dan membina keyakinan dalam menghadapi cabaran. Kanak-kanak Prasekolah akan menghadapi kesukaran di sekolah rendah jika kemahiran sosioemosi tersebut tidak didedahkan. Melalui rujukan ini, guru-guru perlu membuat pentaksiran terhadap elemen tersebut. Oleh itu, guru perlu menyediakan ruang dan persekitaran yang sesuai dalam bilik darjah agar elemen tersebut dapat ditunjukkan oleh murid. Selain itu, ia juga dapat membantu guru dalam melaksanakan pemerhatian. Begitu juga membantu kanak-kanak dalam perkembangan sosioemosi mereka. Di dalam kajian Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi Guru oleh Mohd Nazri





dan Wan Nur Baizura (2018) menyatakan bahawa, guru masih lagi tidak memahami konsep pentaksiran murid yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Selain itu, guru juga kurang jelas dan tidak menguasai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyukarkan mereka menjalankan pentaksiran kepada kanak-kanak. Apabila guru kurang jelas, pentaksiran tidak dapat berlaku dengan baik dan berkesan. Persoalannya, mengapakah guru masih tidak jelas dengan konsep pentaksiran? Adakah disebabkan tiada instrumen yang tetap dalam mentafsir kanak-kanak? Adakah kerana kemahiran sosioemosi sukar untuk dilihat?. Hal ini kerana, sosioemosi merupakan perkara yang subjektif untuk dilihat. Kemahiran sosioemosi akan berubah dari segi faktor dalaman dan luaran. Justeru itu, betapa pentingnya dalam mewujudkan satu instrumen pentaksiran yang selari bagi memudahkan guru-guru memahami dan menjalankan pentaksiran dan analisis data prestasi sosioemosi kanak-kanak. Seterusnya ia dapat membantu guru dan kanak-kanak. Kewujudan instrumen ini juga mudah membantu guru dalam menentukan waktu yang sesuai untuk melakukan pemerhatian.

Permasalahan seterusnya, pentaksiran yang sistematik perlu dilakukan bagi mengumpul maklumat tentang perkembangan kanak-kanak dari semasa ke semasa seperti dinyatakan di dalam Modul Pentaksiran Murid di Prasekolah. Clark McKown (2017) menyatakan bahawa, bilangan instrumen pentaksiran sosioemosi yang kurang dan tidak berkualiti memberi masalah kepada guru dalam menilai prestasi sosioemosi kanak-kanak. Tanpa instrumen yang berkualiti, pentaksiran tidak akan seimbang. Kemahiran sosioemosi kanak-kanak adalah sukar diukur kerana tingkah laku mereka yang tidak spesifik dan sukar dikenal pasti melalui penilaian yang menggunakan satu masa yang sama sahaja dan bias akan berlaku di dalam laporan guru (Denham, S.A. et





al., 2017). Hal ini adalah kerana faktor luaran dan dalaman. Walau bagaimanapun kurangnya penekanan terhadap alat pengujian terhadap kanak-kanak dan ia memberi kesan kepada kualiti sesebuah instrumen (Nor Mashitah, 2015). Hal ini berlaku kerana item yang baru digunakan juga akan memberi kesan kepada skala yang digunakan apabila item tersebut digubal semula. Selain daripada itu, item juga perlu diuji bagi menentukan kesesuaian terhadap instrumen. Item yang tidak sesuai akan memberi kesan kepada pemerhatian. Oleh itu, dalam kajian ini, pengujian psikometrik terhadap instrumen memainkan peranan yang penting dan pekar utama iaitu menguji nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset. Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset digunakan kerana bagi menguji lima faset yang berbeza iaitu item, kanak-kanak, penilai, masa dan skala. Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset ini mampu untuk menganalisis lima faset



Kesimpulannya, kemahiran sosioemosi amat penting dalam penilaian di tahap prasekolah. Perkembangan sosioemosi dapat dilihat pada kanak-kanak. Kanak-kanak juga turut dibantu dalam menggilap kemahiran sosioemosi mereka. Walau bagaimanapun, sebuah instrumen perlu dibina bagi melihat perkembangan kemahiran sosioemosi kanak-kanak. Kajian ini dijangka menyumbang kepada pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi kanak-kanak yang dapat membantu guru dalam melihat tahap prestasi sosioemosi kanak-kanak pada ketika itu dan membantu kesediaan mereka. Selain daripada itu, instrumen ini juga dijangka memberikan hasil pengukuran yang sah dan tekal dalam membantu guru membuat pentaksiran sosioemosi mengikut masa yang sesuai. Oleh itu, fokus utama bagi kajian ini ialah untuk membina Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak bagi penggunaan guru. Instrumen ini



mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang baik menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk membina Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset dengan meurujuk langkah pembinaan instrumen Model Miller yang telah disusun semula oleh Nor Mashitah (2017). Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan item Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK).
2. Mengenalpasti tahap kesukaran item, prestasi kanak-kanak, tahap ketegasan penilai, kesesuaian masa dan penggunaan skala.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah nilai kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)?
2. Sejauh manakah tahap kesukaran item, prestasi kanak-kanak, tahap ketegasan penilai, kesesuaian masa dan penggunaan skala di Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK)?


1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual adalah kerangka dalam kajian yang menjelaskan secara kasarnya proses kajian tersebut. Kerangka konseptual ini membekalkan kefahaman sistematik dalam memahami, menyusun hubungan kajian dengan teori-teori yang telah dibina. Dalam kajian ini, kerangka konseptual pada rajah 1.1 merujuk kepada pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK). Terdapat teori yang berkaitan dengan kemahiran sosioemosi kanak-kanak. Teori ini menerangkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui kajian yang telah dijalankan. Prestasi sosioemosi kanak-kanak disokong oleh dua teori pendidikan awal kanak-kanak iaitu Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson dan Teori Kecerdasan Emosional oleh Goleman. Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson menerangkan tentang proses interaksi individu bersama persekitaran sosial dalam perkembangan manusia. Ia mempunyai lapan peringkat. Manakala, Teori Kecerdasan Emosional oleh Goleman pula menumpukan kepada konsep kecerdasan emosi yang memberi kesan kepada kecerdasan intelektual. Menurut Daniel Goleman, kecerdasan emosi adalah penting seperti kecerdasan intelektual dalam menentukan kejayaan individu di dalam kehidupan. Oleh itu, perkembangan sosioemosi amat penting perlu dilihat. Dalam konsep sekolah, guru merupakan penilai kepada prestasi sosioemosi kanak-kanak dimana penilai akan diberi latihan terlebih dahulu. Melalui pemerhatian yang dilakukan, penilai perlu mengenal pasti skala bagi tingkah laku yang ditonjolkan oleh kanak-kanak. Skala ini adalah menentukan tahap setiap kanak-kanak. Segala maklumat yang diterima oleh penilai dianalisis dengan menggunakan Model Pengukuran Pelbagai Faset (skala, ketegasan penilai, masa, item dan kanak-kanak). Nilai kebolehpercayaan,



kebolehan kanak-kanak, indeks kesukaran item, indeks, ketegasan penilai dan pengaruh masa akan dinilai menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset.



Rajah 1.1*Kerangka Konseptual Kajian*

1.7 Definisi Istilah

Definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.7.1 Pentaksiran Prestasi

Definisi konsep pentaksiran prestasi adalah proses dalam mendapatkan maklumat bagi mengetahui pencapaian dan perkembangan seseorang. Kesemua maklumat dikumpul sebagai bukti dan kemudiannya disusun dan ditafsirkan. Bukti-bukti dikumpul melalui pemerhatian kemahiran dan pengetahuan seseorang menjadikan pentaksiran lebih lengkap, bermakna, sah dan tepat untuk mengenalpasti tahap penguasaan murid (Siti Hazimah, 2018). Manakala, dalam kajian ini, pentaksiran prestasi dilihat dari segi prestasi kanak-kanak melalui pemerhatian tingkah laku yang ditonjolkan mengikut waktu yang berbeza sebagai pengujian item. Tingkah laku yang ditonjolkan merupakan respon dan eviden bagi setiap item. Perkara yang ditonjolkan oleh kanak-kanak adalah perkembangan mereka yang akan dicatat pada instrumen yang digunakan. Perkara yang ditonjolkan merujuk kepada kemahiran sosioemosi kanak-kanak.

1.7.2 Penilaian

Definisi konsep penilaian merupakan satu proses dalam mendapatkan prestasi sesuatu yang dinilai. Pemerhatian dilakukan kepada perkara yang ingin di nilai. Penilaian juga merupakan adalah proses yang dijalankan bagi melihat aspek nilai dan kualiti sesuatu

perkara yang dinilai (Alias Mahmud, 2015). Penilaian perlulah dilakukan dengan autentik. Dalam menjalankan penilaian alat pengukuran digunakan bagi memastikan penilaian yang dilakukan bersistematik dan berkualiti. Tanpa alat pengukuran, penilaian tidak dapat dilakukan. Manakala dalam konteks kajian ini, penilaian merupakan satu proses bersistematik dalam memastikan nilai kebolehpercayaan instrumen pentaksiran sosioemosi dari kefungisian skala, ketegasan penilai, masa, kesukaran item dan prestasi kanak-kanak. Penilaian dapat membantu proses mengenal pasti nilai, keberkesanan dan kualiti sebuah instrumen. Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Berasaskan Prestasi Kanak-kanak (IPSK) merupakan instrumen sebagai penilaian prestasi sosioemosi kanak-kanak yang dapat dilihat melalui dua waktu yang berbeza. Dalam kajian ini, faktor masa dinilai dalam melihat prestasi sosioemosi kanak-kanak. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku dan prestasi kanak-kanak tidak tetap dari masa ke semasa. Oleh itu, faktor masa akan dilihat bagi menilai sosioemosi kanak-kanak.

1.7.3 Sosioemosi

Definisi konsep sosioemosi adalah kemahiran interpersonal, intrapersonal dan kemahiran mengurus diri. Sosioemosi melibatkan gabungan daripada kemahiran sosial dan kemahiran emosi. Susan Ayers Denham (2017) menyatakan bahawa terdapat lima perkembangan sosioemosi iaitu (1) kompetensi sosial, (2) kerapatan, (3) kompetensi emosi, (4) kompetensi diri dan (5) sikap. Perkembangan sosioemosi bukan sahaja memberi kesan kepada perubahan kemahiran sosioemosi, tetapi ia memberi kesan kepada perubahan akademik seseorang (James F.M Brechley, 2017). Jika kemahiran



sosioemosi ini diambil ringan, akan berlaku tekanan sosioemosi. Menurut Roslinda Yusof (2016), terdapat sepuluh tekanan sosioemosi iaitu tekanan emosi, tekanan motivasi, tekanan konsep sendiri, tekanan penangguhan, tekanan pencapaian rendah, tekanan sosial, tekanan kecekapan sosial dan tekanan hubungan keluarga. Dalam konteks kajian ini, sosioemosi merupakan kemahiran yang dikuasai oleh kanak-kanak dari segi kecekapan dalam pembentukan interaksi sosial, kebolehan mengenal emosi orang lain, mengenali emosi diri sendiri dan mengawal emosi serta pembentukan tingkah laku yang bersesuaian. Aspek sosioemosi ini dilihat pada waktu yang berbeza dalam memastikan waktu yang sesuai untuk menilai prestasi sosioemosi kanak-kanak. Kemahiran sosioemosi juga merupakan elemen yang dilihat dalam penilaian perkembangan kanak-kanak. Hal ini bagi menyokong transisi ke sekolah rendah.



1.7.4 Kanak-kanak

Definisi konsep kanak-kanak adalah individu yang mempunyai hak dalam mendapatkan perkembangan secara menyeluruh. Menurut UNICEF, kanak-kanak merupakan individu yang mempunyai hak di dalam mendapatkan hak seperti orang lain iaitu hak kelangsungan hidup, hak perkembangan yang seimbang, hak perlindungan diri daripada ancaman bahaya, hak untuk mengambil bahagian di dalam keluarga, masyarakat dan budaya. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak merupakan individu yang berumur di bawah 18 tahun yang dianggap ‘minor’ kerana belum mencukupi tahap yang matang dalam membuat keputusan sendiri (Kurikulum Permata Negara, 2013). Manakala, dalam konteks kajian ini, kanak-kanak merupakan individu yang berumur antara lima tahun yang perlu dinilai perkembangan sosioemosi mereka. Hal



ini kerana, bagi memastikan kanak-kanak mampu membiasakan diri apabila berada di persekitaran yang berbeza dan mampu berfikir sebelum membuat tindakan. Kanak-kanak merupakan individu yang memerlukan persekitaran sosial dalam mengembangkan perkembangan.

1.7.5 Instrumen Pentaksiran Sosioemosi

Definisi konsep Instrumen Pentaksiran Sosioemosi adalah satu alatan yang digunakan dalam mendapatkan maklumat pencapaian sosioemosi seseorang. Pencapaian sosioemosi tersebut adalah dari segi kemahiran sosial dan emosi. Skor yang didapati melalui instrumen pentaksiran sosioemosi menunjukkan prestasi kanak-kanak dalam melalui situasi yang sukar dengan menggunakan kemahiran sosioemosi mereka (Clark McKown et.al, 2013). Manakala dalam konteks kajian ini, Instrumen Pentaksiran Sosioemosi adalah alatan yang digunakan bagi melihat kesukaran item sosioemosi yang sukar dicapai oleh kanak-kanak. Kesukaran item ini dinilai melalui skala-skala yang telah ditetapkan daripada pemerhatian prestasi sosioemosi kanak-kanak. Instrumen Pentaksiran Sosioemosi juga merupakan instrumen yang digunakan mengikut masa yang digunakan oleh guru dalam membuat penilaian.

1.8 Batasan Kajian

Antara batasan yang akan berlaku dalam menjalankan kajian ini adalah, kajian ini hanya terhad kepada kanak-kanak yang berumur lima tahun sahaja. Selain daripada itu,

kehadiran kanak-kanak ke tadika juga membataskan proses pengumpulan data bagi pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK).

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada pembinaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK). Pentaksiran adalah sangat penting bagi melihat perkembangan individu. Hal ini demikian kerana, pentaksiran dijadikan sebagai dokumen yang disimpan bagi mengenalpasti tahap perkembangan mereka, di samping membantu kanak-kanak meningkatkan tahap perkembangan mereka. Kemahiran sosioemosi menjadi kemahiran yang penting perlu dibawa oleh individu ke mana sahaja mereka berada. Tanpa kemahiran ini, kemungkinan individu tersebut akan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri. Kesedaran tentang kepentingan perkembangan sosioemosi mendorong untuk Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK). Walau bagaimanapun, instrumen tersebut perlu sesuai untuk digunakan dan berkualiti.

Selain itu, sistem pendidikan di Malaysia masih lagi mementingkan akademik semata-mata. Kurangkan pemerhatian dalam pembentukan sahsiah individu sedikit kurang dipandang. Hal ini kerana, masyarakat masih lagi mementingkan pencapaian akademik berbanding pencapaian sahsiah. Kemahiran sosioemosi dan akademik kanak-kanak perlu diseimbangkan. Jika perkara ini dilihat dengan mudah, agak sukar seseorang itu untuk menghadapi cabaran akan datang. Bagi memastikan aspirasi murid yang telah dirangka di dalam PPPM iaitu etika dan kerohanian dicapai, guru-guru perlu memastikan kanak-kanak mempunyai kemahiran sosioemosi yang positif. Hal ini



demikian kerana, kanak-kanak perlu mempunyai sifat berani, mempunyai disiplin, memahami perasaan orang lain, mengambil berat terhadap orang lain dan alam sekitar. Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga tidak mementingkan aspek intelek, rohani dan jasmani sahaja. Malah, ia merupakan satu usaha bagi individu tersebut perlu berkembang dengan cara seimbang iaitu memiliki perkembangan yang baik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Usaha ini perlu berjalan seiring dengan semua perkembangan. Justeru itu, modal insan yang berguna dapat terbentuk.

Perkembangan sosioemosi kanak-kanak juga penting di dalam kesediaan ke sekolah iaitu dari segi tingkah laku, keupayaan literasi, numerasi, mengikut arahan, bekerjasama bersama orang lain dan mengikut pengajaran (UNICEF). Maka terbukti bahawa perkembangan sosioemosi ini merupakan perkembangan utama yang akan menyokong kepada perkembangan yang lain. Individu akan lebih mengenali diri sendiri, memahami orang lain dan lebih berkeyakinan. Oleh demikian itu, sebagai seorang pendidik di dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak, guru perlu memastikan perkembangan kanak-kanak mempengaruhi dari pelbagai aspek secara holistik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Justeru itu, guru perlu memiliki satu instrumen pentaksiran sosioemosi bagi membantu mereka menilai dan mengukur sosioemosi kanak-kanak. Wujudnya instrumen ini, dapat membantu guru membuat rujukan dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Selain itu, guru juga mudah untuk berkongsikan perkembangan sosioemosi kepada ibu bapa. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan kepada semua pihak seperti guru, ibu bapa dan pihak sekolah dalam melihat tahap prestasi sosioemosi kanak-kanak. Menggunakan instrumen yang dibina dan seterusnya dapat membantu kanak-kanak meningkatkan tahap perkembangan kanak-kanak dari segi seluruh aspek.





Seterusnya, Instrumen Pentaksiran Sosioemosi ini melalui proses kesahan daripada pakar-pakar yang terlibat di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Kesahan merupakan salah satu proses kajian penyelidikan. Kesahan ini membina dalam memastikan konsep kajian tersebut sesuai untuk digunakan. Justeru itu, dalam kajian ini, kesahan dilakukan dengan melibatkan pakar-pakar dalam bidang tersebut iaitu terdiri daripada pakar di dalam bidang sosioemosi dan mereka yang berada dalam industri pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini bagi memastikan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK) mengukur kemahiran sosioemosi yang komprehensif. Kemahiran sosio emosi adalah subjektif. Ia bergantung pada persekitaran yang merupakan faktor luaran dan faktor dalaman iaitu jati diri individu. Hal ini menyebabkan kemahiran sosioemosi sukar diukur. Kemahiran sosioemosi kanak-kanak yang sukar diukur membuatkan elemen masa perlu dititikberatkan dalam membuat pentaksiran sosioemosi kanak-kanak. Hal ini kerana, tingkah laku dan respon kanak-kanak akan sentiasa berubah mengikut situasi yang memberi rangsangan kepada emosi mereka. Selain daripada itu, respon kanak-kanak terhadap individu seperti bersama guru juga akan berbeza mengikut tahap kerapatan antara guru dan kanak-kanak. Tumpuan kanak-kanak pada sesuatu aktiviti dan persekitaran sosial juga bergantung pada masa. Oleh demikian itu, instrumen ini telah menjalani fasa kebolehpercayaan dalam melihat aspek skala, ketegasan penilai, masa, item dan kebolehan kanak-kanak.

Seterusnya, dalam melihat kelima-lima pekara tersebut berfungsi iaitu skala, ketegasan penilai, masa, item dan kebolehan kanak-kanak, model pengukuran pelbagai faset digunakan di dalam kajian ini. Model pengukuran pelbagai faset merupakan satu model pengukuran yang mampu memberi tindak balas kepada instrumen dalam menghubungkan dengan manusia. Selain itu, model pengukuran ini juga membantu



menganalisis kefungsian skala, ketegasan penilai, pengaruh masa, kesukaran item dan kebolehan kanak-kanak dalam satu masa yang serentak. model pengukuran pelbagai faset mampu menguji tahap kebolehpercayaan instrumen di samping melihat tahap kesukaran item melalui respond pengguna kepada instrumen tersebut. Selain daripada itu, kesahan instrumen juga dapat dilihat melalui nilai logit yang diberikan.

Selain daripada itu, ciri-ciri psikometrik instrumen ditentukan dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset (MPRPF) kerana kajian ini melibatkan analisis *multirater*. Antara elemen yang dilihat adalah kefungsian skala. Bagaimanakah skala memberi kesan kepada instrumen? Adakah skala tersebut sesuai untuk digunakan? Tahap ketekalan item tersebut dapat dikenalpasti apabila item yang sama diberi kepada individu atau kumpulan yang sama pada waktu yang berbeza dan keputusan yang didapati adalah sama atau hampir sama. Oleh demikian itu, kajian ini Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset digunakan di dalam kajian ini bagi melihat secara keseluruhan Instrumen Pentaksiran (IPSK).

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, perkembangan sosioemosi kanak-kanak sangat penting bagi kelangsungan hidup mereka. Perkembangan sosioemosi dapat membantu individu bertahan dalam persekitaran yang berbeza. Tanpa kemahiran sosioemosi yang kuat, individu tidak dapat bertahan dalam persekitaran yang berbeza. Perkembangan sosioemosi kanak-kanak yang positif mencerminkan masa hadapan mereka selain daripada perkembangan kognitif. Perkembangan sosioemosi yang baik, membantu



kesediaan kanak-kanak dalam pembelajaran yang lebih formal. Justeru itu Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-kanak (IPSK) dibina bagi memastikan kanak-kanak mencapai tahap perkembangan sosioemosi mengikut peringkat umur mereka sebelum kanak-kanak tersebut memasuki alam persekolahan yang lebih mencabar dan memerlukan mereka untuk berdikari.

